

11/06/2003

Usah minta peruntukan hingga berbilion ringgit: PM

Mohd Azlan Jaafar; Zainab Mohd Yatim

PUTRAJAYA: Kerajaan negeri tidak perlu meminta peruntukan terlalu besar hingga berbilion ringgit daripada Bajet 2004 kerana ia mungkin tidak dapat

dipenuhi Kerajaan Pusat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ada kerajaan negeri yang meminta peruntukan sehingga mencecah RM1 bilion atau RM2 bilion kerana berpendapat Kerajaan Pusat mampu memenuhinya.

"Kita pun macam orang lain. Dana kita bukan tidak terhad. Ia terhad dan kita perlu bijak membelanjakan wang. Kalau kita belanja terlalu banyak dan

berhutang terlalu banyak ia akan menjadi masalah kepada negara kita.

"Jadi saya ingatkan menteri-menteri besar dan lain-lain di swasta yang mahu kita belanja lebih besar, kita tidak mahu," katanya selepas sesi dialog terakhir Bajet 2004 dengan Menteri-Menteri Besar, Ketua Menteri dan

wakil kelab penyokong kerajaan di Perbendaharaan di sini semalam.

Beliau yang juga Menteri Kewangan diminta mengulas ucapannya pada majlis

itu berhubung permintaan kerajaan negeri yang mahu kerajaan mengurangkan pelbagai cukai dan memberi insentif tetapi pada masa yang sama mahu peruntukan lebih besar.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mampu untuk mengurangkan cukai dan pada masa yang sama menambah perbelanjaan.

"Kita boleh cap duit tapi nilainya akan jatuh. Jika kita minta keterlaluan, jangan kecewa jika ia ditolak semuanya sekali," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya tidak menyalahkan Kerajaan Pusat jika peruntukan yang diminta tidak diluluskan.

"Memberi lebih banyak insentif, memotong cukai dan pada masa sama membelanjakan lebih banyak wang untuk infrastruktur adalah sesuatu yang tidak dapat dilakukan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri hanya mahu peruntukan lebih besar untuk mempercepatkan pembangunan di negeri masing-masing.

"Kita tak ada duit walaupun kita 46 tahun merdeka, ada jalan kampung yang tak bertar atau ada elektrik dan bekalan air. Tetapi umumnya kita telah lebih berjaya daripada mana-mana negara membangun dari segi membekalkan kawasan dengan bekalan infrastruktur yang diperlukan," katanya.

Dr Mahathir berkata, wakil rakyat juga perlu memberikan perhatian bukan saja kepada soal keperluan fizikal serta isu kemiskinan dan kebajikan, kerana apa yang lebih kritikal ialah rungutan berkaitan jentera pelaksanaan dan penyampaian baik awam mahupun swasta.

Beliau berkata, kerajaan membelanjakan berbilion ringgit termasuk untuk

program 'pre-emptive' bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat tapi jika pelaksanaan tergendala, pastinya rungutan rakyat akan berterusan.

"Dan kerajaan akan menerima pelbagai tuduhan termasuklah rasuah, penyelewengan dan lain-lain," katanya.

Beliau turut menyentuh peranan yang perlu dimainkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan berhubung teknologi baru bagi pelupusan sampah dan sistem air kumbahan serta isu bekalan air bersih.

"Saya berharap perkara ini diberi keutamaan, khususnya bagi meyakinkan orang ramai bahawa usaha kerajaan adalah untuk kebaikan jangka panjang ke arah meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam sesi-sesi yang diadakan sebelum ini, antara isu yang dibangkitkan ialah globalisasi, daya saing negara, kos pengendalian perniagaan, 'delivery system' dan kerenah birokrasi.